

ANALYSIS ON THE METHOD OF FATWA BY PERAK STATE FATWA COUNCIL

ANALISIS METODE FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

Muhammad Nazirul Mohd Sabriⁱ

ⁱ (Corresponding author). Calon Sarjana, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. naz_mubin87@yahoo.com

Abstract	<i>This article explains on the method of fatwa applied by Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPK) by observing some of the fatwas existed from the year 2007 until 2014. The objective of this research is mainly to justify the method of fatwa used by JFNPK through the analysis of deriving fatwa by taking into account the method of usul al-fiqh as the method of determining fatwa. This article adopts qualitative approach by analyzing the content in which the method of collecting and analyzing data are delivered descriptively. The data are obtained through fatwa paperwork, books and interviews. The findings of this article shows that the usage of the method of usul al-fiqh as the method of deriving fatwa is less used because it is not thoroughly done. In conclusion, the approach of ijtihad done by JFNPK needs to be improved from the aspect of al-takyif in order to enhance the quality of the fatwa analysis. The research's implication highlights that issuing fatwa which fulfills the method of fatwa and a clear and precise way of analyzing can improve the quality of fatwa analysis.</i> Keywords: <i>Usul al-Fiqh, Method, Fatwa, Perak, al-Takyif.</i>
Abstrak	<i>Artikel ini menjelaskan metode fatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPK) dengan melihat kepada beberapa fatwa daripada tahun 2007 hingga 2014. Tujuan artikel ini adalah untuk menjelaskan metode berfatwa yang dijalankan oleh JFNPK menerusi penyelidikan yang dijalankan dalam pengeluaran fatwa dengan melihat pengambilkiraan kaedah usul al-fiqh sebagai metode penentuan fatwa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis kandungan yang mana kaedah pengumpulan data dan penganalisaan data disampaikan secara deskriptif. Data diperolehi daripada kertas kerja fatwa, buku dan temu bual. Dapatan artikel menunjukkan bahawa, penggunaan kaedah usul al-fiqh sebagai metode penentuan fatwa kurang diaplikasi kerana ia dibuat secara ringkas. Kesimpulannya, pendekatan ijtihad yang dijalankan oleh JFNPK memerlukan penambahbaikan dari aspek al-takyif bagi meningkatkan kualiti penyelidikan fatwa. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pengeluaran fatwa yang menepati kaedah berfatwa dan metode penyelidikan yang jelas dan tepat mampu meningkatkan prestasi dan kualiti penyelidikan fatwa.</i> Kata kunci: <i>Usul al-Fiqh, Metode Fatwa, Perak, al-Takyif.</i>

PENDAHULUAN

Secara umumnya, fatwa diertikan sebagai penentuan hukum terhadap sesuatu persoalan apabila telah timbul sesuatu kes atau isu yang tertentu dan seseorang mufti itu mengetahui

mengenai hukumnya. Setiap fatwa yang dikemukakan terhadap masyarakat memerlukan kepada dalil-dalil dan kaedah-kaedah yang perlu digunapakai agar keputusan fatwa yang dikeluarkan itu seiring dengan kehendak Allah SWT dan juga masyarakat. Di Malaysia, fatwa merupakan urusan pentadbiran hal ehwal agama Islam di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sesuatu fatwa hanya layak dikeluarkan oleh mufti sahaja dengan dibantu oleh satu jawatankuasa fatwa yang dilantik (Mohd Hambali Rashid, Kamarudin Ahmad & Shukri Ahmad, 2018).

KAEDAH ASAS DALAM PROSES PENFATWAAN

Secara asas, pengetahuan berkenaan asas penyelidikan dalam amalan berfatwa amatlah penting agar fatwa yang diputuskan tidak menyimpang dariapada kehendak syariat Islam (Zulkifli, 2008) serta mematuhi objektif pensyarian yang telah diturunkan oleh Allah SWT. Antara kaedah asas yang perlu diaplikasi dalam proses pematwaan ialah:

Mengambil Kira 'Illah Sesuatu Hukum

Teori penentuan hukum seperti kaedah mengenalpasti 'illah bagi sesuatu isu yang tidak pernah berlaku (Mat Saad Abdul Rahman, 1997) melalui teori *tanqih al-manat*, *tahqiq al-manat* dan *takhrij al-manat* (al-Zarkashi, t.th) dianggap sebagai teori terbaik dalam menentukan sesuatu hukum yang tidak mempunyai sandaran nas. Kaedah ini merujuk kepada mengenal pasti sebab atau 'illah sesuatu suruhan atau larangan yang terkandung dalam nas. Seandainya perkara yang langsung tiada nas maka 'illah tidak boleh ditentukan (Nora'nan Bahari, 2016), seperti mana juga kewujudan *maqasid shari'ah* yang memerlukan kepada nas.

Al-Amidi mentakrifkan 'illah sebagai hukum dan *maṣlaḥah* yang tertakluk dengannya perintah dan keharusan, serta *mafsad* yang tertakluk dengannya larangan. Oleh itu, kesukaran adalah satu *mafsadah* yang menjadi 'illah harusnya qasar (Al-Amidi, 1985). Begitu juga Khallaf (t.th) antara ulama kontemporari berpendapat 'illah adalah perkara zahir yang dicipta oleh syarak untuk menghubungkan antara hukum dan asas pembinaan hukum bagi merealisasikan hikmah dalam sesuatu hukum. 'Illah boleh wujud sama ada telah diketahui atau tidak (Abd al-Wahhab Khallaf, t.th).

Merujuk kepada kaedah *uṣul al-fiqh* dengan melihat persamaan 'illah yang wujud antara hukum baharu yang tidak mempunyai sandaran nas dengan hukum terdahulu yang dinaskan (al-Subki, Taj al-Din, 2003). Aplikasi ilmu *uṣul al-fiqh* merupakan senjata utama dalam kaedah berfatwa yang menjadi syarat penting bagi melayakkan seseorang menjadi mufti. Ini kerana, kewajaran dan relevan sesuatu fatwa bergantung kepada kaedah pendalilan yang digunapakai berdasarkan ilmu *uṣul al-fiqh*. Sikap bertaklid dan jumud kepada fatwa-fatwa klasik yang dimuatkan dalam kitab-kitab *turath* (Al-Qaraḍawi, Yusuf, 1998) secara mutlak tanpa mengaplikasikan kaedah pendalilan dalam *uṣul al-fiqh* akan menatijahkan keputusan fatwa yang tidak tepat bahkan berkemungkinan menyimpang daripada kehendak Syarak yang sebenar.

Imam al-Shawkani menyatakan *uṣul al-fiqh* merupakan tiang kepada ijtihad dan asasnya yang mana ijtihad akan berfungsi kerana kewujudannya. Jika ia dapat dikuasai oleh mufti atau mujtahid dengan baik, pasti akan dapat merujuk kepada perkara *furu'* (al-Shawkani, 2009). Menurut al-Khaṭīb al-Baghdadi (1412H), seorang mufti adalah wajib mempunyai kepakaran yang mendalam tentang kaedah pendalilan berdasarkan al-Quran dan hadis serta mengetahui cara mengistinbatkan hukum berdasarkan *al-ijma'* dan *al-qiyas* sehingga mampu merungkai persoalan yang berlaku agar menatijahkan hukum yang tepat.

Keutamaan Sumber Dalam Proses Istidlal Dan Istinbat

Rujukan kepada sumber yang berautoriti menjadi syarat utama bagi seorang mufti sebelum keputusan fatwa diwartakan. Justeru itu, bagi mengenal pasti ketepatan sesuatu hukum atau fatwa, ia perlu dimulai dengan proses *istidlal* dan *istinbat* mengikut keutamaan sumbernya. Dalam usaha melakukan proses pendalilan, para mufti atau pegawai istinbat

wajar sekali mengaplikasi kaedah *istidlal* dan *istinbat* yang tersusun dan menepati kaedah penentuan sesuatu hukum.

Langkah pertama, apabila diminta memberikan hukum atau fatwa, hendaklah ia dirujuk kepada al-Quran terlebih dahulu (Al-Zarkashi, t.th) dengan melihat tafsir-tafsir ayat yang telah dibincangkan oleh para *al-mufasssir*. Ulama telah bersepakat atas kewajiban mengikut keempat-empat sumber perundangan Islam dengan mengikut tertib dimulai dengan al-Quran, hadis, *al-ijma'* dan *al-qiyas* berdasarkan hadis Mu'az bin Jabal (Wahbah al-Zuhayli, 2008).

Langkah kedua, merujuk kepada hadis melalui syarah-syarahnya bermula dengan hadis *mutawatir* hingga hadis *aḥad* termasuk juga kaedah penafsiran nas. Langkah ketiga, merujuk kepada pandangan-pandangan yang *aṣaḥ* dalam empat mazhab yang utama menerusi kitab-kitab mereka yang muktabar serta hukum-hukum yang telah disepakati melalui *ijma'* para ulama (Al-Ghazali, t.th). Dalam situasi ini, para mufti perlu bijak dan mahir *mentarjih*kan pandangan ulama berdasarkan *maṣlaḥah* dan keperluan semasa yang berlaku (at-Ṭantawi, t.th).

Langkah keempat, jika persoalan tersebut belum pernah dibincangkan oleh ulama-ulama terdahulu, maka para mufti pada zaman kini perlu berijtihad dengan mengaplikasi ilmu *uṣul al-fiqh* menerusi kaedah *qiyas*, *istiḥsan*, *'urf*, *maṣalih mursalah* dan sumber-sumber lain serta menggunakan kaedah-kaedah fiqh bagi mengenalpasti hukum yang rasional untuk menyelesaikan isu tersebut (Al-Juwayni, t.th). Justeru itu, kaedah penentuan hukum juga harus dibina berasaskan keutamaan dalil-dalil syarak dengan mengutamakan dalil yang lebih berautoriti (Al-Baghdadi, t.th).

Meraikan *Maqaṣid al-Shari'ah*

Maqaṣid al-Shari'ah merupakan kaedah dan panduan berfatwa yang seharusnya menjadi pegangan dan juga keperluan asas bagi setiap mufti yang ingin menjawab dan mengemukakan kenyataan hukum dan fatwa. Ibn Zaghbihah mentakrifkan ia sebagai ilmu yang mempelajari matlamat dan rahsia tingkah laku, hukum syariat dan menyusun *maṣlaḥah* mukalaf di dunia dan akhirat agar selaras dengan kehendak syarak (Ibn al-Zaghbihah, 2010).

Menurut Ibnu 'Ashur (t.th), seorang mufti perlu menguasai dan memahami *maqaṣid al-shari'ah* untuk sampai ke peringkat ijtihad. Ini kerana, *maqaṣid al-shari'ah* dapat membantu para mufti mengistinbat hukum-hukum syarak serta memahami hukum, batasan hukum dan cara mempraktikannya bertujuan memberi *maṣlaḥah* dan menjauhkan *mafsadah* ke atas ummat Islam demi menjaga kepentingan mereka (Amir Sa'id, 1994). Ia juga boleh diertikan sebagai satu sistem baru dalam pengaplikasian hukum apabila dapat menjadi satu platform pendekatan hukum yang berbentuk pembangunan manusia (Sumayyah Abdul Aziz & Ridzwan Ahmad, 2016).

Dari sudut sumber fatwa Negeri Perak, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri secara asasnya mengikut *qawl* muktamad mazhab al-Shafi'i. Namun begitu, jika didapati suatu isu itu perlu diambil kira kepentingan umat Islam, maka Jawatankuasa Fatwa boleh mengikut *qawl* muktamad selain mazhab al-Shafi'i seperti mazhab Abu Ḥanifah, Maliki dan Hanbali. Akan tetapi, sekiranya tiada satu pun *qawl* muktamad daripada keempat-empat mazhab ini yang boleh diikuti dan diamalkan tanpa berlawanan dengan kepentingan awam, maka Jawatankuasa Fatwa boleh berijtihad tanpa terikat dengan mana-mana mazhab. Perkara ini cukup jelas dinyatakan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Syeksen 43:

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakukan sesuatu pendapat di bawah seksyen 42, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab al-Shafi'i.
- (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad mazhab Shafi'i suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan

terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

- (3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Mengambil Kira Realiti Semasa

Para Ulama silam mahupun kontemporari berpandangan yang sama dalam memperkatakan perlunya mengambilkira realiti dan keadaan semasa dalam proses fatwabahkan ia dikira sebagai metode asas dalam penyelidikan fatwa pada masa kini. Jika dilihat kepada pembinaan hukum Islam dalam aliran mazhab fiqh, didapati bahawa nilai, realiti dan persekitaran semasa mempengaruhi fatwa, pandangan hukum dan hasil ijtihad yang berbeza-beza (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 1992).

Sifat jumud kepada fatwa-fatwa lama tanpa meraikan perubahan masa dan keadaan merupakan antara faktor kegelinciran yang berlaku kepada mufti atau orang yang mengeluarkan fatwa. Contohnya fatwa yang tercatat dalam buku-buku fiqh terdahulu yang menyatakan perempuan dilarang daripada menunaikan solat di masjid terutama anak-anak gadis sebagai menutup pintu fitnah, sedangkan perempuan masa kini telah pun keluar menuntut ilmu di sekolah dan universiti.

Begitu juga fatwa melihat anak bulan tidak wajib dilakukan melainkan dengan mata kasar sahaja dan tidak boleh diambil kira peralatan moden, sedangkan para ulama menganggap natijah melihat anak bulan dengan perantaraan peralatan moden itu sebagai sesuatu yang pasti dan menyakinkan berdasarkan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi pada masa kini. Dapat diketahui bahawa perbezaan fatwa yang diputuskan oleh ulama-ulama besar terdahulu adalah mengikut kepada perbezaan zaman dan tempat.

Mengambil Kira 'Illah Sesuatu Hukum

Kaedah ini merujuk kepada mengenal pasti sebab atau 'illah sesuatu suruhan atau larangan yang terkandung dalam nas. Seandainya perkara yang langsung tiada nas maka 'illah tidak boleh ditentukan (Nora'inan Bahari, 2016) seperti mana juga kewujudan *maqasid shari'ah* yang memerlukan kepada nas. Al-Amidi mentakrifkan 'illah sebagai hukum dan *masalahah* yang tertakluk dengannya perintah dan keharusan, serta *mafasid* yang tertakluk dengannya larangan.

Oleh itu, kesukaran adalah satu *mafsadah* yang menjadi 'illah harusnya qasar. Begitu juga Khallaf antara ulama kontemporari berpendapat 'illah adalah perkara zahir yang dicipta oleh syarak untuk menghubungkan antara hukum dan asas pembinaan hukum bagi merealisasikan hikmah dalam sesuatu hukum. 'Illah boleh wujud sama ada telah diketahui atau tidak (Abd al-Wahhab Khallaf, 1983).

Oleh demikian, begitu penting untuk mengenal pasti 'illah seperti mana disebut dalam satu kaedah fiqh "*al-hukm yadurru ma'a 'illatihi wujudan wa 'adaman*" yang bermaksud hukum berlegar bersama 'illahnya dari segi ada dan tiada.

FATWA NEGERI PERAK YANG DIWARTAKAN ANTARA TAHUN 2007 HINGGA 2014

Sepanjang tahun 2007 hingga 2014, pihak JFNP telah mengeluarkan sebanyak 18 fatwa yang boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu:

- i. Isu Akidah.
- ii. Isu Syariah.

Kesemua fatwa tersebut telah diputuskan oleh pihak JFNP berdasarkan hasil penyelidikan dan kajian yang dijalankan oleh mereka. Bagi menjalankan kajian berbentuk komparatif ini, penyelidik memperoleh jawapan-jawapan fatwa yang telah diputuskan oleh pihak JFNP daripada buku "Fatwa Negeri Perak 2007 hingga 2014" terbitan Jabatan Mufti

Negeri Perak yang menghimpunkan kertas-kertas kerja fatwa melibat isu-isu fatwa seperti berikut:

Isu Akidah

- i. Fatwa Mengenai Ayah Pin.
- ii. Fatwa Mengenai Syarikat Rifaqa' Corporation Sdn. Bhd. Dan Rangkaian Syarikat Gabungannya.
- iii. Fatwa Mengenai Ajaran Cahaya Qursani Adalah Sesat.
- iv. Fatwa Mengenai Penggunaan Kalimah Allah Hanya Merujuk Kepada Tuhan Yang Maha Esa Dalam Agama Islam Sahaja.
- v. Fatwa Mengenai Pengharaman Pengajaran Pengajaran Tarikat Naqsyabandiah Al-Kholidiyah Kg. Menderang Sungkai.
- vi. Fatwa Mengenai Pengharaman Perbuatan Meletakkan Ancak.
- vii. Fatwa Mengenai Pengharaman Ajaran Dan Fahaman Syiah di Negeri Perak Darul Ridzuan.
- viii. Fatwa Mengenai Penegahan Menyebarkan Aliran Dan Dakyah Wahabiah Di Negeri Perak Darul Ridzuan.
- ix. Fatwa Mengenai Larangan Penggunaan, Pemakaian Dan Pengamalan Tawajjuh Khatamun Al-Nubuwwah.
- x. Fatwa Mengenai Kumpulan Black Metal adalah Sesat.
- xi. Fatwa Mengenai kedudukan Senaman Yoga Di Kalangan Umat Islam.

Isu Syariah

- i. Fatwa Mengenai Penyalahgunaan Kubur.
- ii. Fatwa Mengenai Hukum Wanita Menyerupai Lelaki (Pengkid) Dan Hukum Lelaki Menyerupai Perempuan (Pondan dan Mak Nyah).
- iii. Fatwa Mengenai Kewajipan Mendirikan Solat Jumaat Ketika Bersuluk Oleh Pengamal Tareqat.
- iv. Fatwa Mengenai Kadar Wajib Zakat Tanaman.
- v. Fatwa Mengenai Perlantikan Peguam Syarie Dikalangan Orang Bukan Islam.
- vi. Fatwa Mengenai Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah Ke Baitulmal.
- vii. Fatwa Mengenai Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid Dan Ruang Solat Utama di dalam Masjid.

Daripada 18 fatwa yang telah dikeluarkan oleh pihak JFNP, pembahagiannya dapat dikategori seperti berikut:

Isu	Jumlah
Akidah	11
Syariah	7
Total	18

Jadual 1: Jadual Pembahagian Isu Fatwa Antara Tahun 2007 Hingga 2014

Jadual di atas memaparkan statistik pengeluaran fatwa-fatwa di negeri Perak sepanjang tempoh lapan tahun bermula daripada tahun 2007 hingga 2014. Fatwa-fatwa tersebut merupakan fatwa-fatwa yang diputuskan sendiri oleh pihak Jawatankuasa Fatwa berdasarkan penyelidikan yang dijalankan. Berdasarkan statistik di atas, fatwa berkaitan isu-isu akidah adalah lebih banyak diperbincangkan berbanding isu-isu fatwa syariah dengan jumlah kekerapan isu fatwa akidah sebanyak sebelas fatwa. Perkara ini bukanlah sesuatu yang asing lagi, kerana isu akidah adalah isu yang terpenting bagi umat Islam terutama dengan kewujudan pelbagai ajaran dan aliran yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar pada masa kini.

Oleh yang demikian, kekerapan tersebut berasaskan kepada justifikasi bahawa isu akidah sentiasa dirujuk kepada pihak jabatan mufti negeri Perak. Adapun isu-isu fatwa berkaitan bidang syariah menunjukkan jumlah kekerapan sebanyak tujuh fatwa sahaja sepanjang tahun 2007 hingga 2014.

ANALISIS BEBERAPA FATWA NEGERI PERAK

Penyelidik hanya memfokuskan kepada 3 fatwa sahaja mewakili isu akidah dan syariah seperti berikut:

Fatwa Syariah

Mengenai Hukum Wanita Menyerupai Lelaki (Pengkid) Dan Hukum Lelaki Menyerupai Perempuan (Pondan Dan Mak Nyah)

Bagi menyelesaikan isu ini, pihak JFNP telah menggunakan kajian dalaman dengan merujuk kepada beberapa ayat al-Quran bagi memberi penegasan bahawa perhubungan antara lelaki dengan perempuan perlu diurus mengikut fitrah masing-masing seperti firman Allah Taala:

﴿سُبْحَنَ الَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ وَمِنْ أَنْفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya, "Maha suci tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan, sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi, atau daripada diri mereka, ataupun daripada apa yang mereka tidak mengetahuinya" (al-Quran. Yasin. 36).

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ﴾

Maksudnya, "dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatnya bahawa Dia (Allah) telah menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir" (al-Quran. al-Rum. 21).

﴿وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya, "Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) daripada kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh daripada hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka daripada limpah kurniannya kerana Allah Maha Luas (rahmatnya dan limpah kurniannya), lagi Maha mengetahui" (al-Quran. al-Nur. 32).

﴿أَتَأْتُونَ الذَّكَرَانَ مِنَ الْعُلَمِينَ وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ رَبُّكُمْ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ﴾

Maksudnya, "Patutkah kamu melakukan hubungan jenis dengan lelaki daripada kalangan manusia dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh Tuhan kamu untuk kamu (melakukan hubungan yang halal) daripada badan isteri-isteri kamu? (kamu orang-orang yang bersalah) bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas (keinginan kebanyakan haiwan)!" (al-Quran. al-Shu'ara. 165-166).

Selain itu, rujukan kajian JFNP juga telah dilakukan terhadap nas-nas daripada hadis Rasulullah SAW berkenaan larangan wanita menyerupai lelaki atau sebaliknya. Hadis

tersebut telah dipetik terus daripada kitab *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* karangan Dr. Wahbah al-Zuhayli dan juga buku *Fatawa wa Rasa'il al-Nisa'* karangan Muhammad bin Salih al-Uthaymin.

Hadis Pertama

Ibn Abbas meriwayatkan:

{لعن النبي صلى الله عليه وسلم المختثين من الرجال، المترجلات من النساء}

Maksudnya, "Rasulullah SAW melaknat mereka yang menyerupai wanita daripada kalangan lelaki dan mereka yang menyerupai lelaki daripada kalangan wanita" (Hadis. Al-Bukhariyy. 5547).

Hadis Kedua

Abu Hurairah meriwayatkan:

{لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم الرجل يلبس لبسة المرأة، والمرأة تلبس لبسة الرجل}

Maksudnya, "Rasulullah SAW telah melaknat orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan perempuan yang memakai pakaian lelaki" (Hadis. Abu Dawud. 4098).

Analisis Metode Fatwa

Penyelidik melihat keputusan fatwa yang telah dikeluarkan melalui kajian adalah bersifat ringkas kerana wujud kekurangan diperingkat *al-takyif* yang perlu diberi penekanan, walaupun diperingkat *al-tasawwur* telah diperjelaskan secara mendalam perbezaan antara pengkid dan pondan. Kaedah *al-takyif* yang diaplikasikan dalam kajian fatwa ini perlu diberi penambahan dan penekanan untuk menangani isu di atas sebagaimana hasil analisis berikut:

Pertama

Keempat-empat dalil al-Quran yang didatangkan oleh JFNP dalam kertas kerja fatwa dilihat hanya menerangkan hukum secara prinsip dan kaedah umum sahaja yang merujuk kepada mengatur hubungan sesama manusia. Penyelidik mendapati dua nas al-Quran yang dilihat lebih hampir untuk dijadikan hujah dalam menguatkan isu ini, firman Allah Taala:

﴿وَلَا ضَلَالَتَهُمْ وَلَا أُمْنِيَّتُهُمْ وَلَا مَرْتَبَهُمْ فَلْيَبْتِكُنْ إِذًا أَنْ لَكُمْ وَلَا مَرْتَبَهُمْ فَلْيَعْبِرَنَّ خَلْقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِّنْ دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا﴾

Maksudnya, "dan demi sesungguhnya aku akan menyesatkan mereka (daripada kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah, dan (ingatlah) barangsiapa yang mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain daripada Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata" (al-Quran. al-Nisa'. 119).

Imam Ibn Kathir (t.th) dan Al-Tabari (1999) ketika menafsirkan ayat di atas menjelaskan bahawa *فليغيرن خلق الله* merujuk kepada mengubah agama Allah SWT, berdalilkan firman Allah Taala:

﴿فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya, "(setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh daripada kesesatan;

(turutlah terus) agama Allah iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semula jadinya) untuk menerimanya, tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu, itulah agama yang betul lurus, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui” (al-Quran. al-Rum: 30).

Manakala Imam Jalalayn pula ketika menafsirkan ayat ini, beliau berpandangan dengan tafsiran yang bersifat umum iaitu mengubah ciptaan Allah dapat diertikan dengan menghalalkan apa yang Allah SWT haramkan atau sebaliknya (Jalal al-Din al-Mahalli & Jalal al-Din al-Suyuti, t.th). Oleh itu, jika dilihat pengkid dan pondan adalah satu bentuk penghalalan sesuatu yang jelas pengharamannya dan sesuai dimasukkan dalam kategori perubahan ciptaan Allah SWT. Inilah antara cara syaitan menyesatkan manusia dengan mengubah fungsi asal sesuatu kejadian yang diciptakan oleh SWT. Apabila satu-satu kejadian itu digunakan kepada selain fungsi asal ia diciptakan, maka ia termasuk dalam perkara mengubah kejadian dan ciptaan Allah SWT (Muhammad Sha'rawi, 1991).

Manakala nas al-Quran kedua yang boleh dijadikan rujukan fatwa ialah firman Allah Taala:

﴿وَلَوْ طَآءَآئِنُهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَنَجَّيْنَاهُ مِنَ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ تَعْمَلُ الْخَبِيثَ إِتْنَهُمْ كَانُوا قَوْمَ سَوَاءٍ فَسِقِينَ﴾

Maksudnya, “dan kepada Nabi Lut, kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu dan kami selamatkan dia dari bandar yang penduduknya selalu melakukan perkara-perkara yang keji, sesungguhnya mereka itu adalah kaum jahat yang fasik, derhaka” (al-Quran. al-Anbiya' 21: 74).

Al-Razi (2000) menjelaskan dalam tafsirnya, ayat tersebut merupakan penceritaan kisah Nabi Lut AS yang diselamatkan oleh Allah SWT daripada azab yang menimpa kaumnya yang melakukan dosa. Kaumnya terkenal dengan kaum yang jahat dan fasik kerana mereka sangat suka melakukan perkara-perkara dan perbuatan keji dan terkutuk secara terang-terangan tanpa rasa malu termasuklah perbuatan homoseksual. Ayat di atas perlu diaplikasi dalam menjawab isu ini kerana melihat kepada keadaan dan hakikat yang sama terdapat pada situasi pengkid dan lesbian iaitu gejala homoseksual. Ayat ini sesuai dikaitkan kerana ada segelintir golongan pengkid dan juga mak nyah yang mengamalkan kehidupan seks bebas yang boleh disamakan dengan golongan homoseksual yang ada pada zaman Nabi Lut AS tersebut.

Kedua

Rujukan JFNP terhadap sumber kedua perundangan Islam sebagai penjelas terhadap makna umum dalam nas al-Quran dilihat lebih berfokus kepada isu sebenar seperti yang difatwakan. Ini bersesuaian dengan hubungan al-Quran dan hadis, di mana hadis berfungsi sebagai penafsir dan penerang makna-makna umum dalam teks al-Quran (Muhsin Salih, 2007). Namun begitu, penyelidik melihat kedua-dua hadis tersebut diambil dari sumber *primer* dan bukannya *sekunder* dalam menghuraikannya, sedangkan terdapat rujukan yang lebih berautoriti.

Merujuk kepada Ibn al-Athir¹ (t.th), beliau berpandangan perkataan *al-mutarajjilat* merujuk kepada perempuan yang menyerupai lelaki dari segi pakaian dan keadaannya. Manakala perkataan *al-mukhannath* pula ialah lelaki yang menyerupai perempuan. Penyelidik mendapati terdapat dua hadis dalam sunan al-Tirmidhi yang boleh dijadikan rujukan dan menjelaskan isu ini. Hadis pertama yang mana Ibn Abbas meriwayatkan:

{لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهَاتِ بِالرِّجَالِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِّهِينَ بِالنِّسَاءِ مِنَ الرِّجَالِ}

¹ Majd al-Din, Abu al-Sa'adat, al-Mubarak bin Muhammad bin Muhammad bin Abd al-Karim bin Abd al-Wahid al-Shaybani al-Jaziri. Dilahirkan di Jazirah Ibn Umar pada tahun 544H. merupakan penulis bagi kitab *Jami' al-Usul dan Nihayah fi Gharib al-Hadith*. Meninggal dunia pada tahun 606H di Mousul, Iraq.

Maksudnya, “Rasulullah SAW telah melaknat orang perempuan yang lelaki daripada kalangan perempuan dan orang lelaki yang menyerupai perempuan daripada kalangan lelaki” (Hadis. al-Tirmidhi. *Bab Ma Ja’a Fi Mutashabbihat Bi al-Rijal Min al-Nisa’*. 2784).

Merujuk hadis di atas, al-Ṭabari menjelaskan tidak harus bagi lelaki menyerupai perempuan dari segi pemakaian, perhiasan yang dikhaskan buat perempuan dan begitulah sebaliknya. Demikian juga al-Hafiz Ibn Hajar juga berpandangan kaum lelaki tidak boleh menyerupai dari segi percakapan dan cara berjalan. Begitu juga hadis kedua yang diriwayatkan oleh perawi yang sama iaitu Ibn Abbas meriwayatkan:

{لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم المخنثين من الرجال والمترجلات من النساء}

Maksudnya, “Rasulullah SAW melaknat orang lelaki yang menyerupai perempuan dan orang perempuan yang menyerupai lelaki” (Hadis. al-Tirmidhi. *Bab Ma Ja’a Fi Mutashabbihat Bi al-Rijal Min al-Nisa’*. 2785).

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa pelaku yang menyerupai perempuan sama ada dari segi pakaian, suara, bentuk rupa, pergerakan, percakapan dan seumpamanya adalah ditegah dalam Islam kerana mengandungi unsur mengubah ciptaan Allah SWT (Al-Mubarakfuri, 2001) seperti yang dibincangkan pada dalil al-Quran sebelum ini. Imam al-Nawawi juga ada menjelaskan bahawa ada dua kategori bagi *mukhannās*. Pertama ialah seseorang yang memang kejadian semula jadi tanpa diusahakan, kategori ini tidak dicela, tidak berdosa dan tidak diseksa di akhirat. Adapun jenis kedua iaitu mereka yang berusaha untuk menyerupai perempuan dari segi pergerakan, percakapan dan seumpamanya, jenis ini dicela berdasarkan hadis sebelum ini (Al-Mubarakfuri, 2001).

Ketiga

Realiti larangan mengenai pengkid dan pondan ini menepati prinsip asas *maqāṣid shari’ah* yang bersifat *ḍarurī* iaitu penjagaan agama dan keturunan, sebagaimana yang diambilkira oleh JFNP sebagai kaedah pempfatwaan. Menurut Muhammad Mustafa Shalabi (1981), teori *al-Ḍaruriyat* merupakan objektif dalam kehidupan agama dan keduniaan hidup manusia. Jika ia tiada nescaya berlakulah kepincangan hidup manusia di dunia ini dan kehilangan nikmat yang abadi serta mengalami keseksaan di akhirat nanti. Para ulama Islam telah membuat ketetapan wujudnya tertib antara lima jenis masalah asasi tersebut iaitu kepentingan agama diletak pada kelas pertama dan lebih utama daripada kepentingan nyawa dan selainnya.

Kesimpulannya, merujuk kepada keputusan fatwa JFNP dan kaedah pendalilan mereka, penekanan terhadap kaedah *al-takyīf* perlu dilakukan dengan teliti dan kemas agar dapat dikenalpasti kaedah yang tepat untuk menyelesaikan, meskipun JFNP mengemukakan dalil daripada al-Quran dan hadis. Dalam penentuan hukumnya, penyelidik melihat dalil sama ada al-Quran dan hadis yang menjadi sandaran pengharaman isu pengkid ini dipetik secara literal tanpa dinyatakan tafsiran atau syarah yang jelas berhubung dengan dalil tersebut.

Walau bagaimanapun, keputusan pengharaman yang diputuskan oleh JFNP adalah menepati kepentingan dan kemaslahatan semasa pada hari ini yang berdepan dengan cabaran akidah dan juga menyaksikan pelbagai bentuk kerosakan akhlak yang berlaku di kalangan masyarakat khususnya umat Islam pada masa kini.

Jika dilihat fatwa-fatwa lain yang telah dikeluarkan, kebanyakan negeri seperti Terengganu pada tahun 2012, Pulau Pinang pada tahun 2011, Johor pada tahun 2007, Pahang pada tahun 2008, Sabah pada tahun 2008 dan Muzakarah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan bagi hal ehwal Ugama Islam Malaysia pada tahun 2006 telah mengeluarkan fatwa yang sama dan jelas seperti JFNPK bahawa perbuatan pengkid dan pondan adalah haram kerana ia menyalahi fitrah kejadian manusia (e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/3).

Fatwa Akidah

Mengenai Kumpulan Black Metal

Dalam mengemukakan keputusan fatwa di atas, pihak JFNP telah menjalankan kajian dalam bentuk kepustakaan. Dalam kajian mereka, beberapa rujukan daripada nas al-Quran dipetik sebagai sandaran fatwa, antaranya nas berkenaan tegahan perbuatan mempermainkan agama dan menghina al-Quran iaitu daripada surah al-Tawbah: ayat 65 dan Surah Muhammad: ayat 8-9 yang sangat jelas mengeluarkan pelakunya daripada agama Islam.

Analisis Metode Fatwa

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan oleh penyelidik, pihak JFNP telah mendatangkan hujah daripada nas al-Quran yang dikira rujukan utama dalam pendalilan. Di mana, kedua-dua ayat tersebut mempunyai kaitan dengan amalan kumpulan Black Metal yang menghina dan memperolok-olok agama Islam. Namun begitu, proses ijtihad yang diaplikasi oleh pihak JFNP bagi menentukan hukum isu ini dilihat terlalu ringkas dan mudah dalam bentuk terjemahan tanpa mengemukakan sebarang keterangan dan perbincangan ulama walaupun JFNP mengaplikasikan keempat-empat peringkat berfatwa iaitu *al-tasawwur*, *al-takyif*, *al-hukm* dan *al-ifta'*. Analisis kaedah fatwa yang digunapakai oleh JFNP dapat dikemukakan seperti berikut:

Pertama

Rujukan nas al-Quran yang dikaji dalam fatwa ini adalah *dilalah yaqiniyyah qat'iyah*. Kedua-dua dalil al-Quran tersebut termasuk dalam *uslub* umum al-Quran dalam menerangkan hukum menghina al-Quran dan mempermainkan agama adalah haram dan ditegah. Rujukan ini secara asasnya adalah relevan untuk dijadikan dalil fatwa. Namun, perkara ini boleh menjadi lebih jelas lagi sekiranya pihak JFNP berdalilkan juga ayat 66 pada surah yang sama, iaitu firman Allah Taala:

﴿لَا تَعْتَذِرُوا قَدْ كَفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ إِنَّ نَعْفَ عَنْ طَائِفَةٍ مِّنْكُمْ يُعَذِّبُ طَائِفَةٌ بِأَنَّهُمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ﴾

Maksudnya, "Janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman. Jika kami maafkan sepuak dari kamu (kerana mereka bertaubat), maka kami akan menyiksa puak yang lain, kerana mereka adalah orang-orang yang terus bersalah" (al-Quran. al-Tawbah: 66).

Menurut Wahbah al-Zuhayli (2001), ayat di atas menjelaskan perbuatan mempermainkan agama dan hukum-hukumnya akan menyebabkan pelaku tersebut kufur dan wajib bertaubat daripada sifat kufur tersebut. Hal ini kerana, perkara isu ini termasuk dalam asas akidah dan tidak wajar diperolok dan dipermainkan, sepertimana juga tidak dibenarkan mempermainkan talak dan perkahwinan.

Seterusnya, merujuk kepada dalil kedua JFNP iaitu nas al-Quran dalam surah Muhammad ayat 8-9, Ibnu Kathir menyatakan bahawa Allah SWT akan mengugur dan membatalkan amalan orang-orang yang tidak menyukai Allah dan hukum-hukum syarak yang diterangkan dalam al-Quran (Ibnu Kathir, t.th). Antara manhaj al-Quran dalam menjelaskan sesuatu perbuatan itu haram dapat dilihat dengan penggunaan kata-kata berbentuk ancaman seperti pengguguran amalan dan perkataan kufur (Wahbah al-Zuhayli, t.th).

Kedua

Kemudaratan yang ditimbulkan oleh black metal amat perlu dibanteras dan dihalang berdasarkan kaedah fiqh "*Al-Darar Yuzalu*" yang bermaksud kemudaratan hendaklah dihilangkan (Muhammad Şalih Aḥmad, 2002). Asas kepada kaedah ini ialah hadis Rasulullah SAW:

{لا ضرر ولا ضرار}

Maksudnya, “tidak melakukan kerosakan terhadap orang lain dan juga tidak bertindak balas melakukan kemudaratan yang sama dengan kemudaratan terhadapnya”. (Hadis. al-Muwatta’. Bab al-Qada’. 36) (Mālik bin Anas, 1993).

Antara permasalahan yang termasuk di bawah kaedah ini ialah ditahan ke atas orang bodoh untuk menguruskan hartanya, dilarang mufti yang tidak sopan untuk mengeluarkan fatwa dan juga dilarang doktor yang jahil daripada merawat pesakit (Muhammad Ṣālih Aḥmad, 2002) kerana amalan-amalan mereka ini bakal mendatangkan kemudaratan ke atas diri mereka dan orang lain. Oleh itu, penggunaan kaedah hukum *sadd al-dhara’i’* sebagai kaedah ijtihad bagi membanteras gerakan sesat black metal merupakan aplikasi yang tepat diambil kira oleh JFNPK. *Al-Dhara’i’* merupakan kaedah yang berkaitan dengan *maṣlahah* dan *mafsadah* kerana diertikan sebagai cara yang membawa kepada kebaikan dan kemudaratan.

Muṣṭafa al-Bugha menjelaskan bahawa *al-dhara’i’* yang membawa kepada kerosakan adalah dilarang dan wajib dihalang (Mustafa Dib al-Bugha, 2007). Ini dapat dilihat berdasarkan kajian lapangan yang telah dijalankan oleh JFNPK daripada pelbagai sudut kegiatan Black Metal yang amat bahaya yang jelas menimbulkan kemudaratan yang besar kepada umat Islam, seperti yang telah diperjelaskan dalam kertas kerja fatwa JFNP (Jabatan Mufti Negeri Perak).

Ketiga

Dilihat pihak JFNP tidak mendatangkan perbincangan ulama muktabar bagi menyokong jawapan fatwa yang dikeluarkan. Walaupun isu black metal adalah isu baharu yang tidak pernah muncul pada zaman sebelum ini, namun kebanyakan ulama telah pun membahaskan dalam topik *al-istihza’ bi al-din* iaitu “menghina agama Islam”.

Antara ulama yang membicarakan topik ini iaitu Ibn Qudamah (t.th) di mana beliau menyatakan sesiapa yang menghina Allah SWT, maka dia telah kafir sama ada dalam keadaan bergurau senda atau serius, begitu juga menghina ayat-ayatnya, rasul-rasulnya dan kitab-kitabnya. Begitu juga Ibnu Taimiyah (t.th) mengatakan bahawa hukuman bagi penghina Allah SWT jika ia muslim adalah wajib dibunuh menurut ijmak ulama kerana perbuatannya menjadikannya kafir murtad dan kedudukannya lebih buruk daripada kafir asli. Oleh itu, jelaslah bahawa ajaran sesat Black Metal juga termasuk dalam kategori penghina agama Islam dan perbuatan mereka haram, disebabkan kebanyakan ulama melarang perbuatan tersebut.

Kesimpulannya, kaedah *al-takyif* dalam isu fatwa ini perlu dilakukan dengan teliti agar dapat dikenalpasti kaedah yang tepat untuk menyelesaikannya meskipun JFNPK mengemukakan dalil dan justifikasi yang rasional, namun, penelitian secara mendalam perlu dilakukan terutamanya dari sudut penggunaan dalil dan kaedah hukum. Walaupun begitu, keputusan fatwa yang diputuskan adalah menepati *maqasid al-shari’ah* iaitu kewajipan menjaga agama dari sebarang bentuk penyelewengan syariat. Jika dilihat fatwa-fatwa lain, kebanyakan negeri mengeluarkan keputusan fatwa yang sama iaitu pengharaman ajaran Black Metal seperti negeri Terengganu pada tahun 2011, Kedah pada tahun 2010, Johor pada tahun 2009, Kelantan pada tahun 2008, Melaka pada tahun 2008, Pahang pada tahun 2008 dan Sarawak pada tahun 2008.

FATWA SYARIAH

Kadar Wajib Zakat Tanaman Ialah Lima Peratus

Keputusan fatwa berkenaan diputuskan melalui kaedah kepustakaan dengan melakukan rujukan terhadap nas-nas yang menyebutkan tentang kewajipan mengeluarkan zakat berdasarkan surah al-Baqarah ayat 267 dan surah al-An’am ayat 141. Begitu juga, pihak Jawatankuasa fatwa merujuk kepada data dan maklumat zakat tanaman dan rumusan analisis zakat tanaman yang diperolehi oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

Analisis Implementasi Ijtihad Dalam Fatwa

Penyelidik melihat jawapan fatwa yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa fatwa Negeri Perak adalah meraikan kemaslahatan dan kebajikan para petani di Negeri Perak. Terdapat aktiviti penyelidikan yang dijalankan sepertimana yang dikemukakan oleh pengkaji pada hujah fatwa JFNP. Namun begitu, penyelidik melihat masih terdapat kekurangan sepertimana dalam beberapa fatwa sebelum ini iaitu dalam proses *al-takyif* yang perlu diberi penekanan. Penggunaan nas tidak memperincikan hukum secara langsung seperti yang dinyatakan dalam fatwa. Analisis kaedah ijtihad yang diguna pakai oleh Jawatankuasa Fatwa dapat dikemukakan seperti berikut:

Pertama

Rujukan terhadap surah al-Baqarah ayat 267 dan surah al-An'am ayat 141 dilihat tidak disertakan perbincangan ulama. Berdasarkan pengamatan penyelidik, penafsiran surah al-Baqarah: ayat 267 yang menjadi sandaran bagi penetapan zakat tanaman perlu ditafsir secara tepat disebabkan wujud pelbagai huraian oleh *al-mufasssirun*.

Menurut Ibn Kathir, Allah memerintahkan hamba-hambanya yang beriman untuk berinfaq dan dimaksudkan di sini ialah sedekah. Ibnu Jarir RA meriwayatkan daripada al-Barra' bin Azib bahawa ayat ini diturunkan kepada kaum Anshar, yang merupakan pemilik kebun kurma. Pada hari pemetikan pohon kurma, orang-orang Anshar telah mengeluarkan *busrun* (tamar mekar) lalu menggantungkannya pada tali antara dua tiang masjid Rasulullah SAW untuk dimakan oleh kaum fakir miskin daripada kalangan muhajirin. Lalu salah seorang antara mereka sengaja mengambil kurma yang buruk dan dimasukkannya ke dalam beberapa tandan kurma mekar dengan sangkaan perbuatannya itu diharuskan, lalu Allah menurunkan ayat ini (Ibnu Kathir, t.th).

Menurut Wahbah al-Zuhayli, ayat di atas diturunkan berkenaan zakat fitrah sebagaimana diriwayatkan juga oleh Hakim, dari Jabir RA katanya, "Nabi SAW menyuruh mengeluarkan zakat fitrah sebanyak satu *sha'* kurma, maka datanglah seorang lelaki dengan membawa kurma yang tidak elok, lalu Allah turunkan ayat ini (Wahbah al-Zuhayli, t.th).

Manakala surah al-An'am ayat 141 yang dijadikan sandaran oleh JFNP adalah tepat untuk dijadikan sandaran kewajipan zakat tanaman. Menurut Ibn Kathir, ayat di atas merujuk kepada zakat wajib. Ibn Jarir RA meriwayatkan dari Yazid bin Dirham bahawa dia telah mendengar Anas bin Malik berkata: "وَأَتَوْا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ" ialah bermaksud zakat wajib (Ibnu Kathir, t.th).

Kedua

Dalam rujukan hadis pula, terdapat hadis yang spesifik untuk dikaitkan dengan penetapan kadar wajib zakat tanaman khususnya padi sebanyak lima peratus tetapi tidak dinyatakan dalam kaedah *al-takyif* kajian fatwa JFNPk. Sebagaimana Jabir meriwayatkan:

{فِيمَا سَقَتِ السَّمَاءُ وَالْأَنْهَارُ وَالْعَيُونُ أَوْ كَانَ عَثَرِيًّا: الْعَشْرُ. وَفِيمَا يَسْقَى بِالسَّوَانِي أَوْ النَّضْحِ: نِصْفُ الْعَشْرِ}

Maksudnya, "Rasulullah SAW bersabda, "Tanaman yang diairi oleh hujan, sungai-sungai dan mata air atau yang mendapat air dari saluran hendaklah dikeluarkan (zakatnya) sepersepuluh. Tanaman yang diairi dengan unta pengangkut air atau dengan penimba, hendaklah dikeluarkan seperduapuluh" (Hadis. Al-Bukharyy. Kitab Al-Zakah. Bab Al-'Ushr Fima Yusqa Min Ma' Al-Sama').

Dapat difahami daripada hadis di atas, cara pembayaran zakat pertanian boleh dibahagikan kepada dua kaedah iaitu yang pertama melalui penjurusan secara semula jadi maka zakat yang wajib dikeluarkan adalah sepuluh peratus. Manakala kaedah yang kedua pula adalah menggunakan tenaga sendiri maka zakat yang wajib dikeluarkan ialah lima peratus. Penyelidik melihat JFNP hanya menumpukan kepada pengamalan kaedah kedua sahaja iaitu pengeluaran zakat padi sebanyak lima peratus atau 1/20, sedangkan pelaksanaan zakat padi tidak seharusnya dibataskan kepada kadar lima peratus semata-

mata disebabkan sepuluh peratus menurut jumhur ulama termasuklah mazhab Al-Shafi'i merupakan hukum asal dan kadar yang mesti dikeluarkan berbanding lima peratus yang merupakan kadar yang diringankan kerana wujud penggunaan tenaga berat (Ibnu Qudamah, 1997). Ini disebabkan pada masa kini, banyak kaedah dan kemudahan yang boleh diperolehi untuk menguruskan sesuatu tanaman atau pertanian berbanding pada masa dulu yang banyak bergantung kepada penggunaan tenaga manusia.

Ketiga

Walau bagaimanapun, isu fatwa ini jelas berkaitan dengan *maṣlaḥah al-hajiyyat* di mana ia bertepatan dengan kaedah fiqh yang pertama iaitu *al-hajah tunazzalu manzilah al-darurah 'ammah aw khaṣṣah* yang bermaksud hajat (keperluan) menepati seperti darurat juga sama ada umum ataupun khusus hajat itu. Hajat (keperluan) sekiranya tidak dipenuhi akan menimbulkan kesukaran dan kesulitan, sedangkan darurat kalau tidak dipenuhi boleh membawa kepada kebinasaan (Adil Sha'ban Ibrahim, 2009).

Dilihat jawapan fatwa yang dikemukakan oleh JFNP sebanyak 5% daripada hasil kasar adalah bersifat rasional dan bertepatan dengan kepentingan petani di negeri Perak disebabkan kebanyakan mereka memperuntukkan kos besar bagi menjalankan aktiviti tanaman padi. Walaupun begitu, kajian yang dijalankan bagi menyelesaikan isu ini dilihat agak ringkas dan tidak disertakan sumber rujukan daripada nas-nas al-Quran atau hadis serta daripada kitab-kitab ulama yang muktabar sedangkan sesuatu fatwa itu akan dilihat lebih berautoriti dan berwibawa jika dihuraikan secara terperinci serta dinyatakan juga sumber rujukannya dengan jelas.

KESIMPULAN

Antara dapatan kajian yang diperoleh penyelidik berdasarkan penelitian terhadap 3 fatwa JFNP sebelum ini adalah metode berfatwa yang diamalkan oleh JFNP dilihat masih mengekalkan kaedah nukilan terus daripada karya-karya fiqh yang sedia ada tanpa tidak disertakan alasan dan justifikasinya. Kadangkala nukilan tersebut tidak bertepatan dengan isu fatwa sebagai contoh, fatwa mengenai penyalahgunaan kubur ditanah rizab perkuburan Kg. Changkat Bincang. Dilihat pihak JFNP hanya mendatangkan nukilan daripada kitab *Mughni al-Muhtaj* dan *Al-Majmu' Sharah al-Muhadhdhab* yang berkaitan larangan binaan atas kubur. Sebaiknya pihak JFNPk mendatangkan dalil dan kaedah fiqh bagi memperincikan pengharaman penyalahgunaan kubur dari aspek amalan khurafat, pemujaan kubur dan seumpamanya yang menjadi tujuan fatwa dikeluarkan.

Contoh lain, fatwa mengenai kewajipan mendirikan solat Jumaat ketika bersuluk oleh pengamal tarekat, dimana pihak JFNP hanya menukikan daripada buku khalwah dalam Tasawwuf Perlaksanaannya Dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah, halaman 66-70 karangan Dr. Abd Manam bin Mohamad yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus. Hal yang sama bagi isu fatwa berkenaan larangan Pengkid dan Pondan. Dalam proses penyelidikannya, pihak JFNP menukil secara langsung daripada kitab *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* karangan Wahbah al-Zuhayli.

Seterusnya, nukilan daripada buku *Fatawa wa Rasa'il Li al-Nisa'* karangan al-Syeikh Muhammad bin Salih al-Uthaymin dan juga beberapa ulama lain seperti pandangan Syeikh Abd al-Aziz bin Bazz. Nukilan yang dilakukan tidak dianggap sebagai bahan berautoriti dalam proses penyelidikan fatwa. Sewajarnya jabatan mufti negeri Perak merujuk kepada sumber asal bagi isu tersebut seperti kitab turath yang lebih berautoriti atau pun mana-mana kitab hadith muktabar.

Selain itu, keperluan memperkukuhkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan dengan dalil-dalil khususnya dalil al-Quran dan hadis sangat dituntut pada hari ini kerana fatwa tidak lagi difahami secara tradisi, tetapi ia telah diberi kekuatan undang-undang. Sudah tentu fatwa yang berautoriti ini perlu dilihat kejituan dan ketepatan melalui istinbat yang dilakukan menerusi penggunaan dalil-dalil terutamanya dalil al-Quran dan hadis yang tepat. Contohnya fatwa penetapan kadar wajib zakat padi, penyelidik melihat pihak JFNPk hanya mengemukakan dalil al-Quran sahaja.

JFNPK juga dilihat tidak membentuk kaedah khusus dalam membuat pendalilan berasaskan ayat-ayat al-Quran dan membuat rujukan-rujukan kepada kitab tafsir yang terhad. Sebahagian tafsiran ayat tidak dinyatakan secara jelas sumber rujukan kitab tafsir. Kebanyakan kesimpulan hukum hanya bersandar kepada dalil al-Quran secara umum tanpa membincangkan cara pengambilan hukum berkenaan daripada sesuatu nas.

Namun, semakin penyelidik mendapati tafsiran yang dibuat oleh JFNPK tidak terpesong daripada makna yang sebenar. Pada pandangan penyelidik, adalah lebih baik semua tafsiran diberikan tafsiran yang betul kerana kebanyakan orang awam tidak mampu melakukan kajian mengenainya. Contohnya, isu fatwa mengenai status peguam syarie bukan Islam. Penyelidik mendapati pihak JFNPK hanya mendatangkan ayat al-Quran sahaja iaitu surah al-Mumtahanah ayat 1 dan surah al-Ma'idah ayat 57 tanpa mendatangkan tafsiran ulama bagi menjelaskan kehendak kedua-dua ayat tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Monir Bin Yaacob. 2000. *Maqasid Shariah: Konsep dan Hubungannya dengan Nilai-Nilai Semasa Di Malaysia Dalam Menentukan Hukum*. Dalam Fiqh Malaysia. ed. Paizah Hj Ismail dan Ridzwan Ahmad. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abu al-Wafa' Ali bin Aqil bin Muhammad Al-Baghdadi Al-Hanbali. 1999. *Al-Waḍīh fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Muasasah al-Risalah.
- al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad Bin Ali al-Khatib. 1991. *Al-Faqih wa al-Mutafaqqih*. Arab Saudi: Dar Ibn al-Juzi. Jil. 2.
- Al-Bukhari. 2017. *Kitab Al-Zakah Bab Al-'Ushr Fima Yusqa Min Ma' Al-Sama'*. T.tp: Tpt.
- Ibn al-Athir. T.th. *Al-Nihayah fī Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Jil. 2. T.tp: Dar al-Fikr.
- Ibnu Kathir. T.th. *Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar Khayr.
- Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din Abu Muhammad Abdullah ibn Ahmad Muhammad al-Maqdisi al-Jamma'ili al-Dimasyqi al-Salihi al-Hanbali. 1997. *Al-Mughni*. Al-Riyad: Dar Alam al-Kutub.
- Jalal al-Din al-Mahalli & Jalal al-Din al-Suyuti, T.th. *Tafsīr al-Jalalāyn*. Mesir: Dar Manar.
- Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid. 1992. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya. Cet. 2.
- Mohd Hambali Rashid, Kamarudin Ahmad & Shukri Ahmad. 2018. *Penginstitutionan Fatwa Mazhab Syafie Bagi Menjaga Kemaslahatan Amalan Masyarakat Islam Di Kedah*. Al-Qanatir International Journal Of Islamic Studies. Vol. 12. No. 2. Nilai: Usuli Faqih Research Centre PLT.
- Al-Mubarakfuri, Abū al-'Ulā Muhammad Abd al-Rahman bin Abd al-Rahman. 2001. *Tuhfat al-Ahwazi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*: Kaherah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Abu Zahrah. 2003. *Usul al-fiqh*. T.tp: Dar Al-Fikr Al-Arabi.
- Muhammad Muṣṭafa Shalabi. 1981. *T'alil al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Muhammad Ṣaleh bin Haji Aḥmad. 2002. *Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur. Pustaka Haji Abdul Majid.
- Muhammad Sayyid Abd al-Wahhab Khallaf. 1972. *Ilmu Usul Al-Fiqh*. T.tp: Tpt.
- Muslim, Ibn Muslim al-Qushayri al-Naysaburi. t.t. *Al-Jami' al-Sahih. Kitab al-Zakah*. Jil. 3. Beirut: al-Maktabah Tijariyyah.
- Nora'inan Bahari. 2016. *Maqasid Shari'ah Dan Masalah Dalam Fatwa*. Akademi Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Noor Naemah Abdul Rahman. 2009. *Al-Marahil Allati Tamurr Biha al-Fatwa*. Jurnal kajian Hukum dan Sosial Kemasyarakatan 7. Edisi 15. No. 2.
- Al-Shawkani. 1979. *Irsyad al-Fuhul Ila Tahqiq al-Haqqi Min Ilmi al-Usul*. Beirut: Dar Ma'rifah.
- Sha'ban Ibrahim. 2009. *Al-Darurah wa Atharuha fī Amaliyyat al-Tibbiyyah al-Hadithah*. Fayyum: Dar Al-Falah.
- Sumayyah Abdul Aziz & Ridzwan Ahmad. 2016. *Peranan Maqasid Shariah Dalam Falsafah Epistemologi Ijtihad Semasa*. Al-Qanatir International Journal Of Islamic Studies. Vol. 4. No. 2. Nilai: Usuli Faqih Research Centre PLT.

- Al-Tantawi. *Al-Ijtihad fi al-Ahkam al-Shari'ah*. T.tp: Tpt.
- Wahbah Zuhayli. T.th. *al-Tafsir al-Wasit*. Cet. 4. Jil. 1. Damsyiq: Dar Fikr.
- Wahbah al-Zuhayli. T.th. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Jil. 1. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuldin. 2014. *Aplikasi Proses Penfatwaan Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Universiti Sains Malaysia.
- Yusuf al-Qaradawi. 1996. *Fi Fiqh al-Awlawiyyat Dirasah Jadidah Fi Daw' al-Quran wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Zulkifli bin Mohammad al-Bakri. 2008. *Fatwa Dan Mufti: Hukum, Etika dan Sejarah*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.